



AHLI panel, Vidya Reddy (kanan) menyampaikan pandangannya pada Seminar Jenayah Seksual Kanak-kanak: Hentikan!! di PWTC, Kuala Lumpur semalam, sambil diperhatikan ahli panel lain, Carol Ronken (kiri), Donlad Findlater (dua dari kanan) dan moderator, Datuk Seri Rohani Abdul Karim (dua dari kiri).

Kesedaran tentang jenayah seksual kanak-kanak penting

KUALA LUMPUR 13 Mac - Kesedaran dan pemahaman kanak-kanak terhadap apa jua perlakuan yang menjurus kepada jenayah seksual amat penting bagi memastikan mereka tidak menjadi mangsa perlakuan sumbang itu.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim berkata, pelbagai usaha telah dan akan dilaksanakan bagi mendidik dan menyedarkan kanak-kanak tentang perlakuan yang boleh ditakrifkan sebagai jenayah seksual, memandangkan mereka bukan sahaja terdedah menjadi mangsa malah tidak mengetahui apakah perlakuan atau tindakan tidak bermoral itu.

Beliau berkata, kementerian melalui agensinya, LKKPN turut menyediakan program pendidikan kesedaran tentang jenayah seksual kanak-kanak, namun sambutan masyarakat dilihat kurang memuaskan.

"Perlakuan jenayah seksual melibatkan kanak-kanak dikhawatirkan meningkat saban tahun, namun kes yang dilaporkan agak berkurangan kerana masih ramai yang memberi alasan malu untuk tampil membuat aduan.

"Saya ingin sarankan agar mereka dan keluarga terlibat supaya tidak malu untuk tampil kerana keengganan mereka berbuat laporan menyebabkan si pelaku jenayah kekal bebas dan



mungkin mengulangnya kepada kanak-kanak lain," katanya ketika ditemui selepas Sesi Perbincangan Panel II bertajuk *Memahami Jenayah Seksual Kanak-kanak - Perspektif Antarabangsa* pada Seminar Jenayah Seksual Kanak-kanak: Hentikan!! di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini hari ini.

Yang turut hadir, barisan penceramah luar negara, Pakar Kriminologi Bravehearts, Australia, Carol Ronken; wakil Lucy Faithfull Foundation & Stop It Now United Kingdom, Donald Findlater dan wakil Centre for Prevention and Resilience of Child

Sexual Abuse (Tulir), India, R. Vidya.

Sementara itu, Carol pula berpendapat bahawa berdasarkan statistik dianggarkan antara 70 hingga 90 peratus pelaku jenayah seksual mengenali kanak-kanak yang dijadikan mangsa mereka.

"Malah berdasarkan fakta kes serangan seksual di Amerika Syarikat menunjukkan 58 peratus daripada 4,11 penjenayah seksual dewasa, telah melakukannya bermula seawal usia remaja," katanya.

Donald pula berpendapat, ketika dunia berdepan kes ancaman serangan seksual melibatkan kanak-kanak meningkat saban tahun, adalah perlu diwujudkan satu mekanisme perundangan konkrit bagi melindungi kanak-kanak dari terus menjadi mangsa.

"Program seumpama ini amat baik untuk kita berkongsi pengalaman dan bersama merangka langkah pencegahan dan melindungi keselamatan kanak-kanak.

"Selain itu perlu diwujudkan sebuah pusat penjagaan dan perlindungan kanak-kanak kerana ancaman jenayah seks ini boleh berlaku di mana sahaja, dan kepada siapa juga," katanya sambil menyarankan agar masyarakat dididik dan didedahkan kepada jenis-jenis perilaku jenayah seksual serta mengetahui kecenderungan individu yang berpotensi menjadi pemangsa.